

Soalan 1: Morfologi

Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan senaraikan **tiga kata adjektif**. Kemudian anda dikehendaki supaya membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Jurupulih Perubatan Anggota atau dikenal juga sebagai ahli fisioterapi, berperanan penting dalam membantu pesakit ketika menjalani sesi rawatan pemulihan akibat kecederaan pada anggota tubuh badan.

Izarina, ahli fisioterapi di Hospital Selayang, Selangor, memikul tanggungjawab yang besar untuk memastikan setiap pesakit pulih seperti sediakala.

Menurut beliau lagi, kes yang melibatkan kecederaan seperti patah tangan akan mengambil masa selama empat bulan untuk sembuh. Kes patah kaki pula mengambil masa yang agak lama, iaitu enam bulan untuk sembuh.

Sumber: Dewan Siswa, Februari 2020

[6 markah]

(i)

(ii)

(iii)

Soalan 2: Sintaksis

Berdasarkan dialog di bawah ini, kenal pasti dan nyatakan **tiga jenis ayat** yang terdapat dalam dialog tersebut. Tulis ayat-ayat tersebut semula.

Ibu : Jangan lupa belikan umai dan ikan terubuk masin untuk ibu apabila kamu hendak pulang dari Sarawak nanti.

Izati : Bukankah Umai merupakan makanan tradisi kaum Melanau?

Ibu : Betul, itu makanan kaum Melanau. Sudah lama ibu tidak menikmatinya. Umai dibuat daripada hirisan ikan mentah yang dicampur dengan bawang, cili, garam, dan perahan air limau.

Izati : Baiklah, nanti saya akan belikan.

Ibu : Usah kamu membeli ikan terubuk masin terlalu banyak, cukup dua tiga ekor sahaja.

[6 markah]

(i)

(ii)

(iii)

Soalan 3: Penyuntingan

Dalam petikan 1, terdapat enam kesalahan bahasa manakala petikan 2 terdapat lima kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Pendakian diteruskan lagi. Perjalanan kami banyak turun dan beberapa kali menaik sehinggalah sampai pada satu tempat yang dipanggil Gua Akar. Lokasi itu adalah lokasi wajib para pendaki bergambar kerana terdapat sebuah gua yang terbentuk daripada akar-akar kayu yang antik. Setelah beristirehat seketika di Gua Akar, kami meneruskan berjalan menuju ke puncak Pine Tree.

Dipetik dan diubah suai daripada "Pine Tree & Twin Park" oleh Amirul Azaha,
Pendidik, September 2018

[6 markah]

© Penerbitan Petangi Sdn. Bhd.

6

Bahasa Melayu Tingkatan 4 Ujian 2

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

Petikan 2

Usaha untuk mengekalkan keharmonian negara yang memiliki masyarakat terbilang kaum bukanlah suatu perkara yang mudah dan boleh dipandang enteng. Semua lapisan masyarakat tanpa mengira peringkat baik pemimpin negara walaupun rakyat perlu memainkan peranan masing-masing di dalam menjaga keharmonian negara yang telah dikecap selama ini. Kunci perpaduan dan keharmonian kepelbagaian kaum termasuklah menjulang Perlembagaan Persekutuan.

Dipetik dan diubah suai daripada "Perpaduan Kunci Keharmonian"
oleh Syajaratulhuda Mohd Rosli, *Sinar Harian*, 9 Februari 2020

[5 markah]

Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah ini dengan teliti. Kemudian tulis petikan tersebut semula dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah datang kepada Patih Gajah Mada, Kertala Sari pun duduk menyembah. Maka kata Patih Gajah Mada, "Hai anakku Kertala Sari, sebab aku menyuruh memanggil anakku ini, kerana pesan bapamu kepada aku, 'Jangan tiada dikasihi anakku ini,' kerana bapamu sudahlah mati dengan pekerjaan Seri Betara. Akan sekarang anakku hendak dijadikan penggawa agung."

Setelah Kertala Sari mendengar kata Patih Gajah Mada itu, maka Kertala Sari pun terlalu sukacita hatinya, seraya menyembah kaki Patih Gajah Mada.

Dipetik daripada prosa tradisional "Kepimpinan Melalui Teladan" dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

Soalan 5: Peribahasa

Petikan di bawah ini mempunyai beberapa peribahasa. Senaraikan dua peribahasa sahaja, kemudian berikan peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa tersebut.

Dalam kehidupan bermasyarakat, kita seharusnya sentiasa bersatu padu dalam melakukan sesuatu perkara ibarat aur dengan tebing. Tugas yang mudah atau sukar akan menjadi mudah apabila dilakukan bersama-sama kerana berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Dalam hal ini, ibu bapa perlu menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak kerana bagaimana acuan, begitulah kuihnya.

[4 markah]

Soalan 6: Petikan Umum

Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Malaysia dan Indonesia pada asasnya bersetuju dengan penggunaan teknologi seperti dron bagi mengawasi keselamatan dan pemantauan *jenayah sempadan* di kedua-dua buah negara. Menurut Menteri Dalam Negeri, perjanjian persempadanan Malaysia dan Indonesia yang akan diperbaharui pada tahun hadapan akan menjurus kepada penggunaan teknologi bagi mengawal keselamatan sempadan bagi menangani isu sempadan demi kepentingan bersama. Malaysia dan Indonesia akan terus bekerjasama dalam menangani isu jenayah sempadan seperti penyeludupan dadah, pemerdagangan manusia, dan jenayah merentas sempadan.

Sumber: Bernama, 10 Disember 2019

Bahan 2

Tembok Besar Negara China ialah tembok terpanjang di dunia yang dibina sekitar 200 SM dan diperkukuh antara akhir abad ke-14 hingga permulaan abad ke-17. Tembok ini dibina sewaktu Dinasti Ming untuk melindungi bahagian utara China daripada serangan puak Mongol dan Turkik. Beberapa tembok yang dibina sejak abad ke-3 adalah untuk menangani masalah perompak oleh puak nomad yang datang dari Mongolia dan Manchuria. Panjang Tembok Besar China kira-kira 6400 kilometer dari Shanhaiguan sehingga ke Teluk Bohai di sebelah timur yang terletak berhampiran dengan sempadan China dan Manchuria sehingga Lop Nur di sebelah tenggara wilayah Xinjiang. Pada tahun 2009, satu tinjauan arkeologi baharu menggunakan teknologi termaju melaporkan bahawa panjang keseluruhan tembok itu, termasuk semua cabangnya melebihi 8851.8 kilometer.

Sumber: Berita Harian Online, 23 Ogos 2016

- (i) Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud rangkai kata *jenayah sempadan*. [2 markah]

Bahasa Melayu Tingkatan 4 Ujian 2

- (ii) Merujuk Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan perbezaan kaedah yang digunakan untuk mengawal sempadan negara. [3 markah]

- (iii) Kerjasama antara negara serantau sangat penting bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk mengukuhkan hubungan kerjasama antara negara yang berjiran? [3 markah]

- (iv) Pada suatu petang, anda memancing di tepi pantai. Tiba-tiba anda terlihat sebuah bot dan kelibat beberapa orang sedang memungkah barang-barang. Barang-barang tersebut disorokkan di dalam kawasan belukar di tepi pantai tersebut. Setelah mereka beredar, anda menghampiri tempat tersebut dan mendapati barang tersebut ialah rokok yang diseludup. Sebagai warganegara yang prihatin, apakah tindakan yang harus anda lakukan? [4 markah]

Soalan 7: Petikan Sastera

Baca bahan-bahan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

SEMUA PELAJAR: Assalamualaikum dan selamat sejahtera, cikgu.

CIKGU DAHARI: Waalaikumussalam dan selamat sejahtera. Semua boleh duduk. Semua dah baca berita tentang murid yang terpilih dan penempatan untuk PLKN?

NORA: Sudah cikgu. Ramai yang terpilih dan kami amat teruja untuk menyertainya. Tak sabar rasanya.

CIKGU DAHARI: Baguslah kalau begitu. Bertuah negara kita punyai remaja seperti kalian. Sentiasa sedia berkhidmat untuk negara.

SUNDARANI: Boleh cikgu terangkan lebih lanjut tentang PLKN?

CIKGU DAHARI: Tentu sekali. Program Latihan Khidmat Negara ataupun nama ringkasnya PLKN merupakan kursus latihan wajib bagi mereka yang baru menamatkan persekolahan di Malaysia. Program ini bertujuan untuk pembinaan sahsiah diri. Bermatlamatkan membina dan mengukuhkan semangat patriotik dalam kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional dan membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni. Program ini bukanlah bersifat *kerahan tenaga* dan tidak mengikut mana-mana model dari luar kerana dilaksanakan menurut cara Malaysia.

Dipetik daripada drama "Berkhidmat untuk Negara" dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

SAYANGI MALAYSIAKU

Alangkah indah rasa di jiwa,
negara kita aman sentosa,
bersatu padu setiap masa,
tanpa merasa gundah gulana.

Negara kita nama Malaysia,
sudah terkenal seantero buana,
khatulistiwa nama musimnya,
segar dan nyaman setiap masa.

Berpaksi kepada Rukun Negara,
jadi pegangan rakyat jelata,
bertolak ansur jangan sengketa,
hidup harmoni semat di jiwa.

Pelbagai budaya amalan bersama,
saling hormati adat budaya,
tiada beza kulit dan warna,
sayangi Malaysiaku semat di dada.

Kepada Yang Esa panjatkan doa,
moga dilimpah rahmat sejahtera,
teguhkan hati teguhkan jiwa,
semoga Malaysia terus merdeka.

Norliza Hj. Md Yamin

Bahan 3

Pantun Muhibah dan Perpaduan

Petang hari pergi ke pekan,
Pulang membawa sebungkus laksa;
Hidup muhibah perlu diamalkan,
Di negara Malaysia berbilang bangsa.

Cantik bergugus buah papaya,
Masak dipetik satu per satu;
Walaupun berlainan bangsa budaya,
Kerana muhibah hidup bersatu.

Air mengalir dalam terusan,
Mengairi sawah beratus relung;
Bekerjasama segala urusan,
Tanda bersatu bergotong-royong.

Tuan Puteri dari kayangan,
Senyuman manis seperti madu;
Bermacam-macam keturunan bukan halangan,
Untuk membina bangsa yang padu.

Enak nian air kelapa,
Penawar sakit mujarab sekali;
Kebudayaan asal tidak dilupa,
Kebudayaan nasional mereka bangga.

Antologi *Gema Sepi Gadis Genius*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *kerahan tenaga*. [2 markah]

- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan tindakan-tindakan yang seharusnya diamalkan oleh rakyat bagi menzahirkan semangat cinta akan negara. [4 markah]

- (iii) Pihak sekolah memainkan peranan penting bagi menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan murid.

Nyatakan program-program yang dilaksanakan di sekolah anda untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan murid. [3 markah]

- (iv) Kelab Kebudayaan sekolah anda bercadang untuk mengadakan Minggu Kebudayaan. Sebagai Pengerusi Kelab Kebudayaan, cadangkan langkah-langkah untuk menarik minat murid-murid menjayakan Minggu Kebudayaan tersebut. [4 markah]

Soalan 8: Novel

- (i) Baca petikan novel di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Dia sebenarnya masih aktif dengan beberapa projek penyelidikan. Projek terbaharunya ialah Dinara, iaitu sistem yang akan kamu godam tidak lama lagi," kata Dr. Maxi sambil memandang tepat ke dalam mata Farisha. Projek Dinara terhenti empat minggu lepas apabila paru-paru Karl mula bermasalah dan memerlukan sistem sokongan ini," terang Dr. Maxi sambil menunjuk ke arah mesin-mesin yang berada di kiri dan di kanan katil Karl.

"Mengapa dia tidak dirawat di hospital?" tanya Farisha, sedikit musykil.

"Rumah ini cukup lengkap dan Syarikat Soft Lab mampu menyediakan segala keperluan perubatannya. Lagipun permintaan Karl ialah dia tidak mahu ke hospital. Kami menurut sahaja." Aqram membuka mulut setelah sekian lama berdiam diri di belakang Dr. Maxi.

Dipetik daripada novel "Di Sebalik Dinara" karya Dayang Noor,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Mengapakah Karl tidak dirawat di hospital meskipun paru-parunya sedang mengalami masalah?
[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan dua peristiwa yang dapat menunjukkan nilai kasih sayang.
[6 markah]
